KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21.07.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JKPTG			

SIDANG DUN KELANTAN

3,320.09 hektar tanah terbiar diusahakan

Kota Bharu: Sejumlah 3,320.09 hektar daripada 4,814.70 hektar tanah terbiar di negeri ini diusahakan sejak 2006 hingga kini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, setiap tahun, peruntukan RM600,000 disediakan di bawah Program Tanah Terbiar untuk Jabatan Pertanian Negeri Kelantan sebelum diagih ke seluruh daerah.

Beliau berkata, had siling bagi Program Tanah Terbiar adalah RM20,000 per hektar.

Jabatan Pertanian kemudiannya akan mengenal pasti permohonan daripada petani yang layak serta memenuhi syarat yang ditetapkan untuk dibangunkan dengan tanaman bersesuaian.

"Skop tanaman keutamaan diberi kepada komoditi yang tersenarai di bawah majlis Tindakan Ekonomi Negara seperti kelapa dan durian. Bagi tanaman kekal, pengusaha digalakkan menanam tanaman selingan sementara menunggu hasil. Contoh, tanaman durian selingan tembikai, katanya.

Beliau menjawab soalan Mohd Nazlan pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan di Kota Darul Naim, semalam.

